



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Air mawar untuk Yayasan Tujuh

■ **ISTERI** Timbalan Perdana Menteri, Datin Maria Musa (kanan), merenjis air mawar ke atas sauh kapal di majlis penamaan kapal Yayasan Tujuh, selepas Datuk Musa Hitam merasmikan kapal itu sempena lawatan mereka ke Limbungan Kapal Sabah, kelmarin.

Kapal Yayasan Tujuh yang dibina oleh Yayasan Sabah Shipping Sdn Bhd boleh memuatkan kayu balak seberat 8,000 tan, berukuran 113 meter panjang dan mempunyai kelajuan maksima 13.1 knots.

Datuk Musa dan Datin Maria

melakukan lawatan selama dua hari ke Sabah mulai Sabtu lalu.

Turut mengiringi lawatan Datuk Musa dan Datin Maria ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh (kiri).

Gambar Berita Harian.